

# Usah elak bayar cukai

(1)  
NIBONG TEBAL, Jumaat — Pelabur asing yang mengaut keuntungan besar di negara ini diingatkan supaya jangan mengelak daripada membayar cukai kepada kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sudah banyak memberi kelonggaran kepada pelabur, termasuk mengecualikan cukai selama sepuluh tahun, bagi membolehkan pelabur menjalankan perniagaan di sini.

Berucap merasmikan

Pusat Pembangunan Desa Tasek di Padang Lalang, 25 kilometer dari sini, petang ini, beliau berkata pelabur perlu menghargai kelonggaran syarat itu dan bukan semata-mata inginkan keuntungan.

Beliau juga berkata, usaha kerajaan menarik pelabur ke negara ini bukanlah untuk menyenangkan kerajaan, sebaliknya memberi peluang pekerjaan kepada rakyat.

Menurutnya, rakyat yang tahu bersyukur dengan nikmat pembangunan yang ada, termasuk in-

9 AUG 1992  
dustri, perlulah dapat mengimbangi pemikiran mereka bagi menilai yang mana baik dan buruk.

"Bagaimanapun, ada setengah pemimpin, khasnya kesatuan sekerja seperti Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) membuat pelbagai tuntutan yang tidak munasabah dan menghasut pekerja supaya jangan bekerja lebih masa, bekerja mengikut masa (work to rule) dan sebagainya.

"Mereka sebenarnya tidak peduli bahawa tindakan seperti itu boleh

mengusir pelabur asing dan meningkatkan pengangguran dalam negara.

"Mereka hanya lebih berminat mengutip yuran keahlian dan membelanjakannya untuk kepentingan peribadi, termasuk membiayai kos perjalanan mereka ke luar negara," katanya.

Mengenai mendirikan kilang di luar bandar, Dr Mahathir berkata kerajaan berusaha membawa kilang ke desa dengan hasrat menarik penduduknya menyertai sektor pembuatan.